

NCRC ONLINE: Northern Corridor Research Centre (NCRC) telah mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng, Perak pada 12 Jun 2012 yang lalu. Kunjungan ini diadakan bagi mendapatkan maklumat dan memahami dengan lebih lanjut mengenai peranan dan pelaksanaan RTC yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 18 Februari 2012 yang lalu. Kunjungan NCRC ini telah disambut oleh Ketua Pegawai Operasi, Terminal Makanan Negara (TEMAN) iaitu En. Hj Muhammad Nasir B. Muda selaku Pengurus RTC Gopeng.

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) merupakan satu tempat yang melaksanakan inisiatif-inisiatif RTC secara bersepadu yang diperkenalkan oleh kerajaan dibawah National Blue Ocean Strategy 4 (NBOS4). Kesemua inisiatif ini akan dilaksanakan di RTC dan sekitar kawasan 100km radius daripada RTC.

Gopeng, Perak telah dipilih untuk dijadikan RTC dan akan dikenali sebagai RTC Gopeng. Pelaksanaan RTC ini seterusnya akan diperluaskan ke negeri-negeri lain dalam masa terdekat seperti butiran berikut:

1. RTC Kota Bharu, Kelantan.
2. RTC Kuala Linggi, Melaka.
3. RTC Kuala Kedah, Kedah.
4. RTC Tanjung Manis, Sarawak.
5. RTC Pekan Nanas, Johor.

Pada kunjungan ini, pihak NCRC telah diberi taklimat mengenai pelaksanaan RTC secara keseluruhan dan juga telah membincangkan mengenai sumbangan-sumbangan yang boleh diberikan oleh NCRC, UUM menerusi program-program yang akan dijalankan oleh RTC melalui inisiatif RTC yang ke-6 iaitu kerjasama universiti.

Hasil daripada pertemuan itu juga, pihak NCRC telah mengemukakan satu cadangan untuk menjalinkan program kerjasama bersama dengan pihak RTC dan En. Hj. Muhammad Nasir B. Muda menyambut baik dengan cadangan NCRC tersebut.

Kunjungan NCRC ini telah diketuai oleh Kapt. Mohamad Ezanee Yazid, Penolong Pengarah NCRC, Pn. Munira Am Mun Abdullah, Pegawai Penyelidik Sosial dan Pn. Noor Hasliza Abdul Hamid, Penolong Pegawai Tadbir serta En. Ilyas Nik Umak, Pembantu Am Pejabat.

Sekian.

=====

Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Aras 2, Bangunan Ekonomi, Kolej Perniagaan (UUM COB)
Universiti Utara Malaysia
06010, UUM Sintok, Kedah Darul Aman

Tel : +0604-928 3653/ 4661 (Pej. Am)
Faks : +0604-928 3647